A

Lim Guan Eng lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-05–239–07 TAHUN 2021
NOR BEE ARIFFIN, CHE MOHD RUZIMA DAN HASHIM HAMZAH HHMR
23 FEBRUARI 2022

C

Prosedur Jenayah — Permohonan — Pemindahan kes — Permohonan memindahkan kes-kes dari mahkamah sesyen ke Mahkamah Tinggi — Sama ada persoalan undang-undang yang dibangkitkan melibatkan persoalan undang-undang yang sukar dimana Mahkamah Persekutuan sahaja yang boleh membuat keputusan muktamad mengenai persoalan tersebut — Sama ada prosiding perbicaraan perlu bermula dari Mahkamah Tinggi untuk membawa persoalan undang-undang sukar ke Mahkamah Persekutuan — Sama ada keputusan mahkamah tanpa alasan penghakiman adalah satu keputusan mengikat — Kanun Tatacara Jenayah s 417

D

E

Melalui satu notis permohonan, perayu telah mengemukakan permohonan di Mahkamah Tinggi bagi memohon perintah bagi kes-kes tangkap di mahkamah sesyen yang melibatkan perayu dipindahkan ke Mahkamah Tinggi untuk dibicarakan. Serentak dengan itu, perayu juga memohon agar semua prosiding terhadapnya di hadapan mahkamah sesyen ditangguhkan sementara menunggu keputusan muktamad permohonannya. Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') walau bagaimanapun, telah menolak permohonan perayu. Terkilan, perayu telah merayu atas alasan bahawa HMT melakukan kesilapan dari segi undang-undang apabila mendapati bahawa Mahkamah Persekutuan telah pun secara jelasnya memutuskan dua persoalan undang-undang yang dibangkitkan perayu di dalam alasannya untuk memindahkan presiding perbicaraan kes-kes terhadap perayu ke Mahkamah Tinggi untuk dibicarakan. Persoalan tersebut adalah mengenai: (a) penyerahan pernyataan pembelaan di bawah s 62 Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM 2009'); dan (b) permohonan bagi mendapatkan pernyataan saksi di bawah s 51 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Bagi persoalan undang-undang pertama, adalah dihujahkan bahawa Mahkamah Rayuan dalam kes *Lim Guan Eng v Public Prosecutor and another appeal* [2018] 1 MLJ 433 ('Lim Guan Eng 2018'), telah memutuskan bahawa peruntukan s 62 ASPRM 2009 adalah tidak sah kerana bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan ('PP'). Keputusan ini telah diakas Mahkamah Persekutuan. Namun begitu, tidak ada alasan penghakiman yang disediakan. Dengan merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Malaysian Motor Insurance Pool v Tirumeniyar a/l Singara Veloo* [2020] 1 MLJ 440 ('Malaysian Motor Insurance

F

G

H

I

Pool') dan kes *Vishnu a/l Telagan v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2019] 6 MLJ 1 ('Vishnu Telagan'), perayu menghujahkan bahawa suatu keputusan tanpa alasan penghakiman bukanlah satu keputusan yang mengikat. Oleh itu, perayu menyatakan bahawa keabsahan peruntukan s 62 ASPRM 2009 masih belum dimuktamadkan dan ianya melibatkan persoalan undang-undang yang sukar di mana Mahkamah Persekutuan sahaja yang boleh membuat keputusan muktamad mengenai persoalan tersebut. Bagi membawa persoalan undang-undang tersebut ke Mahkamah Persekutuan, prosiding perbicaraan perlulah bermula daripada Mahkamah Tinggi. Bagi persoalan undang-undang kedua, perayu menghujahkan bahawa undang-undang berhubung dengan permohonan bagi mendapatkan pernyataan saksi di bawah s 51 KTJ menjadi tidak jelas setelah adanya keputusan kes *Siti Aisyah v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 46 ('Siti Aisyah'). Dalam kes *Siti Aisyah*, Mahkamah Rayuan telah membuat keputusan yang berlawanan daripada keputusan dalam *Husdi v Public Prosecutor* [1979] 2 MLJ 304 ('Husdi'). Memandangkan persoalan berhubung dengan pernyataan saksi dalam kes *Siti Aisyah* telah diputuskan Mahkamah Rayuan, hanya Mahkamah Persekutuan yang boleh memberikan kata putus dan dengan itu prosiding perbicaraan perlu dipindahkan ke Mahkamah Tinggi.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi:

(1) Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Lim Guan Eng 2018* telah dengan jelas memutuskan bahawa peruntukan s 62 ASPRM 2019 tidak bertentangan dengan peruntukan PP. Tambahan lagi, perintah Mahkamah Persekutuan secara jelas telah menyatakan bahawa rekod-rekod rayuan yang difailkan telah dibaca dan hujahan-hujahan yang dikemukakan oleh peguam kedua belah pihak sebelum membuat keputusan telah didengar dan oleh itu, ketiadaan alasan keputusan secara bertulis yang disediakan Mahkamah Persekutuan bagi sesuatu keputusan, bukanlah satu alasan untuk menyatakan bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut tidak mengikat di bawah prinsip duluan mengikat (lihat perenggan 16 & 19–21).

(2) Mahkamah berpandangan bahawa prinsip undang-undang berkaitan permohonan di bawah s 51 KTJ bagi penzahiran dokumen, termasuklah bagi mendapatkan pernyataan saksi yang dirakam semasa penyiasatan, adalah jelas dan mantap. Isu yang cuba dibangkitkan perayu bukannya satu isu baru ataupun satu persoalan undang-undang yang unik. Terdapat banyak keputusan terdahulu yang diputuskan mahkamah di pelbagai peringkat yang boleh dijadikan panduan dan ikutan HMS sekiranya berdepan dengan permohonan di bawah s 51 KTJ. Di antara lainnya, keputusan kes *Husdi* di peringkat Mahkamah Tinggi yang disahkan di Mahkamah Persekutuan, keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public*

Prosecutor [2010] 2 MLJ 312 (kes 'Dato' Seri Anwar Ibrahim') dan kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 281 serta keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Siti Aisyah* (lihat perenggan 24).

(3) Sehubungan dengan itu, HMS berupaya untuk membuat pertimbangan dan seterusnya membuat keputusan sekiranya berdepan dengan permohonan yang sewajarnya kerana kewibawaannya tidak dicabar oleh pihak perayu. Oleh itu, HMT tidak melakukan apa-apa kesilapan apabila mendapati dan memutuskan bahawa perayu gagal memenuhi kehendak atau melepasi ambang yang diperlukan di bawah perenggan 417(1)(b) dan (e) KTJ. Pendekatan perayu menggunakan s 417 KTJ khusus untuk menjadikan perbicaraan di Mahkamah Tinggi sebagai landasan atau batu loncatan untuk membawa rayuan perayu sehingga ke Mahkamah Persekutuan, tidak sewajarnya dibenarkan (lihat perenggan 24, 26–27 & 29).

[English summary

By a notice of application, the appellant applied to the High Court for an order for arrest cases in the sessions court involving the appellant to be transferred to the High Court for trial. Subsequently, the appellant also applied that all proceedings against him before the session court adjourned pending the final decision of his application. The High Court judge ('HCJ') however, dismissed the appellant's application. Aggrieved, the appellant has appealed on the grounds that the HCJ had erred in law when he found that the Federal Court had already clearly decided two legal questions raised by the appellant in his judgement for transferring the presiding hearing of the cases against the appellant to the High Court for trial. The questions were regarding: (a) the submission of a statement of defence under s 62 of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 ('MACC Act 2009'); and (b) an application to obtain a witness statement under s 51 of the Criminal Procedure Code ('the CPC'). As for the first legal question, it was contended that the Court of Appeal in the case of *Lim Guan Eng v Public Prosecutor and another appeal* [2018] 1 MLJ 433 ('Lim Guan Eng 2018'), has decided that the provision of s 62 of the MACC Act 2009 was invalid because it contradict with provisions of the Federal Constitution ('FC'). This decision was overturned by the Federal Court. However, no grounds of judgment were provided. In referring to the decision of the Federal Court in the case of *Malaysian Motor Insurance Pool v Tirumeniyar a/l Singara Veloo* [2020] 1 MLJ 440 ('Malaysian Motor Insurance Pool') and the case of *Vishnu a/l Telagan v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2019] 6 MLJ 1 ('Vishnu Telagan'), the appellant argued that a decision without grounds of judgment is not a binding decision. Therefore, the appellant states that the validity of the provisions of s 62 of the MACC Act 2009 has not yet been finalized and it involved an intricate legal issue where only the Federal Court can make a final decision on

the issue. In order to bring the legal question to the Federal Court, the trial proceedings must start from the High Court. As for the second legal question, the appellant argued that the law in relation to the application to obtain a witness statement under s 51 of the CPC became unclear after the decision of the case of *Siti Aisyah v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 46 ('Siti Aisyah'). In the case of *Siti Aisyah*, the Court of Appeal held contrary to the decision in *Husdi v Public Prosecutor* [1979] 2 MLJ 304 ('Husdi'). Since the question regarding the witness statement in the case of Siti Aisyah has been decided by the Court of Appeal, only the Federal Court can give a verdict and thus the trial proceedings should to be transferred to the High Court.

Held, dismissing the appeal and affirming the decision of the High Court:

(1) The Federal Court in the case of *Lim Guan Eng 2018* had clearly decided that the provision of s 62 of the MACC Act 2019 did not contradict with the provisions of FC. Furthermore, the order of the Federal Court had clearly stated that the appeal records filed have been read and the arguments submitted by the lawyers of both sides before making a decision have been heard and therefore, the absence of written grounds of judgment provided by the Federal Court for any decision, was not a ground to state that the decision of the Federal Court was not binding under the principle of binding precedent (see paras 16 & 19–21).

(2) The court was of the view that the legal principles related to the application under s 51 of the CPC for the disclosure of documents, which includes obtaining witness statements recorded during the investigation, was clear and trite. The issue that the appellant was trying to raise was not a new issue or a unique legal question. There are many previous decisions decided by courts at various levels that can be used as a guide and followed by HCJ if faced with an application under s 51 of the CPC. Among others, the decision of the Husdi case at the High Court level which was confirmed at the Federal Court, the decision of the Federal Court in the case of *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2010] 2 MLJ 312 ('Dato' Seri Anwar Ibrahim') and the case of *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 281 as well as the decision of the Court of Appeal in the case of *Siti Aisyah* (see para 24).

(3) In that premise, HCJ was able to make judgments and then make decisions if faced with appropriate applications because its authority is not challenged by the appellant. Therefore, the HCJ did not commit any error when he found and held that the appellant failed to meet the requirements or cross the threshold required under para 417(1)(b) and (e) of the CPC. The appellant's approach of using s 417 of the CPC specifically to make the trial in the High Court a platform or stepping

A stone to bring the appellant's appeal to the Federal Court, was dismissed (see paras 24, 26–27 & 29).]

Kes-kes yang dirujuk

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2010] 2 MLJ 312, MP (dirujuk)
B *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v PP* [2019] 4 MLJ 281; [2019] 1 LNS 434, MP (dirujuk)
Husdi v PP [1979] 2 MLJ 304 (dirujuk)
Husdi v PP [1980] 2 MLJ 80, MP (dirujuk)
Kamal Azam Norddin v Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors [2018] 1 LNS
C 1550, MP (dirujuk)
Lim Guan Eng v PP and another appeal [2018] 1 MLJ 433, MR (dirujuk)
Malaysian Motor Insurance Pool v Tirumeniyar a/l Singara Veloo [2020] 1 MLJ 440; [2019] 10 CLJ 713, MP (dibeza)
Oh Keng Seng v PP [1974] 2 MLJ 48 (dirujuk)
D *PP v Dato Kee Yong Wee & Ors* [1988] 2 MLJ 198 (dirujuk)
Siti Aisyah v Public Prosecutor [2019] 4 MLJ 46, MR (dibeza)
Tenaga Nasional Berhad v Chew Thai Kay & Anor [2022] 2 MLJ 25; [2022] 1 LNS 2, MP (diikut)
Vishnu a/l Telagan v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2019] 6
E MLJ 1; [2019] 9 CLJ 177, MP (dibeza)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pengangkutan Jalan 1987 s 91(1)(bb)
Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ss 30, 53, 62
F Kanun Tatacara Jenayah ss 51, 417, 417(1)(b), 1(e)
Perlembagaan Persekutuan

Rayuan daripada: *Lim Guan Eng lwn Pendakwa Raya* [2021] MLJU 1333 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)
G

Gobind Singh Deo (Ramkarpal Singh dan Mohd Haijan Omar bersamanya) (Karpal Singh & Co) bagi pihak perayu.
Wan Shaharuddin bin Wan Ladin (Law Chin How dan Francine a/p Cheryl Rajendran bersamanya) bagi pihak responden.

H

Che Mohd Ruzima HMR:

[1] Melalui satu notis permohonan bertarikh 8 Julai 2021, Lim Guan Eng (perayu) mengemukakan permohonan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
I bagi memohon perintah supaya Kes-Kes Tangkap No WA-61R-16–08 Tahun 2020, WA-61R-17–08 Tahun 2020 dan WA-61R-22–09 Tahun 2020 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur yang melibatkan perayu dipindah ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk dibicarakan. Serentak dengan itu, perayu turut memohon agar semua presiding terhadapnya di hadapan

Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur ditangguhkan sementara menunggu keputusan muktamad permohonannya.

[2] Setelah meneliti afidavit-afidavit yang difailkan, mendengar hujahan-hujahan yang dikemukakan peguam perayu dan timbalan pendakwa raya (TPR), hakim Mahkamah Tinggi (HMT) membuat keputusan untuk menolak permohonan perayu. Terkilan dengan keputusan HMT, perayu merayu.

RAYUAN DI HADAPAN KAMI

[3] Peguam perayu mendakwa bahawa HMT melakukan kesilapan dari segi undang-undang apabila mendapati bahawa Mahkamah Persekutuan telah pun secara jelasnya memutuskan dua persoalan undang-undang yang dibangkitkan perayu di dalam alasannya untuk memindahkan presiding perbicaraan kes-kes terhadap perayu ke Mahkamah Tinggi untuk dibicarakan. Dua persoalan undang-undang tersebut adalah mengenai:

(a) penyerahan pernyataan pembelaan di bawah s 62 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009); dan

(b) permohonan bagi mendapatkan pernyataan saksi di bawah s 51 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).

[4] Dalam hujahan di hadapan kami, peguam perayu menyatakan bahawa mereka mengulangi apa yang telah dihujahkan di hadapan HMT. Bagi persoalan undang-undang pertama, dihujahkan bahawa Mahkamah Rayuan dalam kes *Lim Guan Eng v Public Prosecutor and another appeal* [2018] 1 MLJ 433 (kes *Lim Guan Eng 2018*), telah memutuskan bahawa peruntukan s 62 ASPRM adalah tidak sah kerana bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Di atas rayuan pihak pendakwa raya, Mahkamah Persekutuan telah mengakas keputusan Mahkamah Rayuan tersebut. Namun begitu, tidak ada alasan penghakiman yang disediakan. Dengan merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Malaysian Motor Insurance Pool v Tirumeniyar a/l Singara Veloo* [2020] 1 MLJ 440; [2019] 10 CLJ 713 (kes *Malaysian Motor Insurance Pool*) dan kes *Vishnu a/l Telagan v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2019] 6 MLJ 1; [2019] 9 CLJ 177 (kes *Vishnu Telagan*), dihujahkan bahawa suatu keputusan tanpa alasan penghakiman bukankan satu keputusan yang mengikat.

[5] Berdasarkan fakta tersebut, peguam perayu menyatakan bahawa pihaknya memberikan perhatian yang serius terhadap persoalan yang berbangkit daripada peruntukan s 62 ASPRM 2009. Keabsahan peruntukan tersebut masih belum dimuktamadkan secara jelas dan ianya melibatkan persoalan undang-undang yang sukar. Hanya Mahkamah Persekutuan sahaja

yang boleh membuat keputusan muktamad mengenai persoalan tersebut. Bagi membawa persoalan undang-undang tersebut ke Mahkamah Persekutuan, presiding perbicaraan perlulah bermula daripada Mahkamah Tinggi.

[6] Seterusnya, bagi persoalan undang-undang kedua, ianya berkait dengan isu pernyataan saksi yang dirakam semasa siasatan dijalankan. Dihujahkan bahawa dalam kertas pertuduhan di bawah kes No WA-61R-16–08 Tahun 2020, nama Dato' Zarul Ahmad bin Mohd Zulkifli (Dato' Zarul) ada disebut. Pihak perayu akan merujuk secara khusus kepada pernyataan yang dirakam daripada Dato' Zarul semasa perbicaraan bagi membuktikan bahawa Dato' Zarul adalah seorang yang tidak boleh dipercayai. Pihak perayu sudah pun menulis kepada pihak pendakwa raya bagi mendapatkan sesalinan pernyataan saksi Dato' Zarul di bawah ss 30 dan 53 ASPRM 2009. Bagi tujuan tersebut, pihak perayu perlu membuat satu permohonan di bawah s 51 KTJ di mahkamah bicara.

[7] Berkaitan dengan itu, peguam perayu berhujah bahawa undang-undang berhubung dengan permohonan bagi mendapatkan pernyataan saksi di bawah s 51 KTJ menjadi tidak jelas setelah adanya keputusan kes *Siti Aisyah v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 46 ('Siti Aisyah'). Dalam kes *Siti Aisyah*, Mahkamah Rayuan telah membuat keputusan yang berlawanan daripada keputusan dalam *Husdi v Public Prosecutor* [1979] 2 MLJ 304 ('Husdi'). Memandangkan persoalan berhubung dengan pernyataan saksi dalam kes *Siti Aisyah* telah diputuskan Mahkamah Rayuan, sudah tentulah hanya Mahkamah Persekutuan yang boleh memberikan kata putus. Selain keputusan kes *Siti Aisyah,* pihak perayu turut akan memberikan fokus terhadap keputusan kes-kes *Husdi, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2010] 2 MLJ 312 ('Dato' Seri Anwar Ibrahim') dan *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 281; [2019] 1 LNS 434 ('Dato' Seri Najib').

[8] Berdasarkan alasan-alasan tersebut, dihujahkan bahawa presiding perbicaraan perayu perlulah dipindahkan ke Mahkamah Tinggi bagi membolehkan persoalan-persoalan undang-undang tersebut dibawa dan diputuskan secara muktamad di Mahkamah Persekutuan. Pihak perayu akan berhadapan dengan masalah yang serius sekiranya prosiding kekal di hadapan mahkamah sesyen. Keputusan Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan di peringkat rayuan kemudiannya sudah tentulah akan terikat dengan keputusan-keputusan Mahkamah Persekutuan yang sedia ada.

[9] TPR sebaliknya berhujah bahawa pihak perayu gagal menunjukkan dua persoalan undang-undang yang dibangkitkan adalah unik dan tidak pernah diputuskan oleh mana-mana mahkamah sebelum ini. Alasan dalam afidavit pihak perayu juga gagal menunjukkan bagaimana persoalan

undang-undang yang dibangkitkan dalam permohonan akan menjadi satu persoalan undang-undang yang mempunyai kesulitan yang luar biasa jika dibangkitkan di hadapan hakim mahkamah sesyen (HMS). Lagipun, apa yang dibangkitkan peguam perayu yang kononnya rumit telah pun diputuskan secara muktamad di Mahkamah Persekutuan dan persoalan undang-undang tersebut adalah tertakluk kepada prinsip res judicata.

[10] Berhubung dengan persoalan undang-undang yang dibangkitkan di bawah s 62 ASPRM 2009, ianya telah diputuskan secara muktamad oleh Mahkamah Persekutuan susulan daripada rayuan yang dikemukakan pendakwa raya ke atas keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Lim Guan Eng 2018*. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa peruntukan s 62 ASPRM 2009 adalah sah dan tidak bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

[11] Manakala bagi persoalan undang-undang berkait dengan pernyataan saksi yang dirakam semasa siasatan pula, ianya telah pun diputuskan secara muktamad sebagai suatu dokumen terlindung (*privileged document*) oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Husdi v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 80. Keputusan terkini Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Najib* turut mengesahkan perkara yang sama. Keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Siti Aisyah* perlulah dibezakan memandangkan permohonan yang dibuat dalam kes tersebut adalah melibatkan pernyataan saksi yang ditawarkan kepada pihak pembelaan dan bukannya permohonan penzahiran dokumen sebelum perbicaraan.

[12] TPR berhujah bahawa pihak perayu gagal melepasi ambang (*threshold*) yang diperlukan bagi membolehkan presiding perbicaraan kes perayu dipindahkan dari mahkamah sesyen ke Mahkamah Tinggi. Keputusan HMT menolak permohonan pihak perayu adalah tepat dan tidak perlu diubah.

DAPATAN KAMI

[13] Permohonan pihak perayu di Mahkamah Tinggi bagi memindahkan perbicaraan daripada mahkamah sesyen ke Mahkamah Tinggi dibuat menurut peruntukan s 417 KTJ. Semasa berhujah, peguam perayu menyatakan bahawa permohonan dihadkan kepada perenggan 417(1)(b) dan 1(e) sahaja. Peruntukan tersebut adalah sepertimana berikut:

> 417 High Court's power to transfer cases
>
> (1) Whenever it is made to appear to the High Court —
>
> ...
>
> (b) that some question of law of unusual difficulty is likely to arise;
>
> ...

(e) that such an order is expedient for the ends of justice, or is required by any provision of this Code.

[14] Nyatalah permohonan pihak perayu dihadkan hanya kepada dua alasan sahaja iaitu pertama, kedua-dua persoalan undang-undang yang dibangkitkan tersebut adalah luar biasa sukarnya dan kedua, persoalan-persoalan undang-undang tersebut penting untuk diputuskan bagi tujuan keadilan bersama. Dengan itu, dihujahkan bahawa ianya perlu diputuskan sehingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan.

[15] Persoalan undang-undang pertama adalah berhubung dengan peruntukan s 62 ASPRM 2009. Menurut peguam perayu, kedudukan undang-undang menjadi tidak muktamad apabila Mahkamah Rayuan dalam kes *Lim Guan Eng 2018* telah memutuskan bahawa peruntukan s 62 ASPRM 2009 adalah tidak sah kerana bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Walaupun Mahkamah Persekutuan kemudiannya telah membenarkan rayuan pendakwa raya dan memutuskan bahawa s 62 ASPRM 2009 adalah berperlembagaan, tiada alasan keputusan yang telah disediakan. Bersandarkan keputusan-keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Malaysian Motor Insurance Pool* dan kes *Vishnu Telagan*, peguam perayu berhujah di hadapan kami bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lim Guan Eng 2018* adalah tidak muktamad dan tidak mengikat.

[16] Dengan hormatnya, kami tidak dapat bersetuju dengan hujahan peguam perayu tersebut kerana kami mempunyai pandangan yang berbeza. Pandangan kami adalah berasaskan kepada perintah Mahkamah Persekutuan itu sendiri yang dapat dilihat dalam afidavit sokongan perayu bagi menyokong permohonan perayu di Mahkamah Tinggi yang telah ditanda dan dikemukakan sebagai eksh 'LGE3'. Diperturunkan sepenuhnya perintah Mahkamah Persekutuan tersebut sepertimana berikut:

PERINTAH JENAYAH
DALAM MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
(Bidang Kuasa Rayuan)
MAHKAMAH PERSEKUTUAN RAYUAN JENAYAH NO: 05-195-08/2017
(P)

ANTARA

PENDAKWA RAYA ... PERAYU

DAN

1. LIM GUAN ENG
(K/P: 601208–01–5177)
2. PHANG LI KOON ... RESPONDEN-
(NO K/P: 511201–07–5311) RESPONDEN

(Dalam Perkara Rayuan Jenayah No: P-06A-7-03/2017 dalam Mahkamah Rayuan Malaysia)

DAN

(Dalam Perkara Perbicaran Jenayah No: PA-44-3-01/2017 & PA-44-2-01/2017 Dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Pulau Pinang)

KORAM:

YANG AMAT ARIF TUN RAUS SHARIF
KETUA HAKIM NEGARA
YANG AMAT ARIF TAN SRI DATO' SERI ZULKEFLI AHMAD MAKINUDIN
PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN
YANG AMAT ARIF TAN SRI DATUK WIRA AHMAD MAAROP
HAKIM BESAR MALAYA
YANG ARIF TAN SRI DATUK RAMLY ALI
HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN
YANG ARIF TAN SRI AZAHAR MOHAMED
HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN

DALAM MAHKAMAH TERBUKA
PADA 14 HARIBULAN DISEMBER 2017
MPRJ NO: 05-195-08/2017 (P)

PERINTAH

RAYUAN INI yang ditetapkan untuk perbicaran pada hari ini dalam kehadiran Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya Awang Armadajaya Awang Mahmud, Dato' Masri Mohd Daud, Abdul Rashid Daud, Nurul'huda Nuraini Mohd Nor, Mohd Ashraf Adrin Kamarul, Mohd Zain Ibrahim dan Muhammat lzzat Fauzan bagi pihak Perayu/Pendakwa Raya dan Gobind Singh Dea, Mohd Haijan Omar, Joanne Chua Tsu Fae, Dato' V Sithambaram, Hisham Teh Poh Teik dan Ruebankumar, Peguambela-Peguambela bagi pihak Responden-Responden DAN SETELAH MEMBACA Notis Rayuan dan Rekod-Rekod Rayuan yang kesemuanya difailkan di sini DAN SETELAH MENDENGAR hujahan pihak-pihak yang tersebut di alas MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERINTAHKAN bahawa rayuan Perayu/Pendakwa Raya dibenarkan DAN ADALAH JUGA DIPERINTAHKAN bahawa Seksyen 62 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia adalah berperlembagaan DAN SETERUSNYA ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa Perintah Mahkamah Rayuan diketepikan dan Perintah Mahkamah Tinggi dikekalkan melainkan penyerahan dokumen di bawah Seksyen 62 Akta SPRM hendaklah dibuat sebelum perbicaraan dimulakan dan bukan 14 hari dari tarikh 17 haribulan Mac 2017 seperti yang diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi DAN SELANJUTNYA ADALAH DIPERINTAHKAN supaya perbicaraan diteruskan

dengan segera MAKA AKHIRNYA ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa kes ini ditetapkan untuk pengurusan kes di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 10 haribulan Januari 2018.

t.t.

.....

NURUL MARDHIAH BINTI MOHAMMED REDZA
TIMBALAN PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA

Daripada perintah tersebut, ternyatalah bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan yang dianggotai oleh lima orang hakim telah menjawab satu persoalan yang sangat spesifik iaitu persoalan berhubung dengan keabsahan peruntukan s 62 ASPRM 2019 yang dipertikaikan peguam perayu dalam permohonan di hadapan Mahkamah Tinggi. Semasa membenar rayuan pihak pendakwa raya terhadap keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Lim Guan Eng 2018*, Mahkamah Persekutuan telah dengan jelas memutuskan bahawa peruntukan s 62 ASPRM 2019 adalah berperlembagaan. Dengan lain perkataan, Mahkamah Persekutuan telah secara spesifik memutuskan bahawa peruntukan s 62 ASPRM 2019 adalah sah dan tidak bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

[17] Berhubung dengan hujahan peguam perayu, kami telah meneliti dua keputusan Mahkamah Persekutuan yang dirujuk. Dalam kes *Malaysian Motor Insurance Pool*, Mahkamah Persekutuan berdepan dengan persoalan berhubung dengan isu liabiliti penanggung insurans bagi menanggung rugi pihak pemegang polisi insurans yang berdepan dengan tuntutan daripada pekerjanya sendiri di bawah kontrak dan di bawah peruntukan perenggan 91(1)(bb) Akta Pengangkutan Jalan 1987 berbanding dengan prinsip undang-undang di bawah 'common law'. Semasa mendapati satu keputusan terdahulu tanpa alasan keputusan bertulis adalah tidak mengikat, Mahkamah Persekutuan antara lainnya ada membuat pemerhatian sepertimana berikut:

> [78] Our lengthy exegesis up to this point is to highlight how the common law has come a long way in developing the jurisprudence on this subject especially where the contractual clauses falling for consideration in these cases are materially the same as those in the insurance policy before us. At this juncture, what remains to be discussed is the Federal Court's decision in *Saw*.
>
> [79] *Unfortunately, we do not have the benefit of a written judgment from the Federal Court. What we have by way of assistance is the editorial note in the reported judgment of the High Court*. The note indicates that the Federal Court reversed the High Court decision because: 'there was no cross-appeal by the respondents against the trial judge's finding that the plaintiff (the lorry attendant) was not a passenger'. As such the learned trial judge should have held that the exceptions to Section II of the

policy applied. Hence, the insurer was not liable to indemnify the defendants. A

[80] *Our analysis of the Saw decision is important as the plaintiff is urging us to depart from the common law position on the basis of the said decision*. Having expounded the common law in the manner it has developed since *Digby and Richards*, we see no reason to depart from that position.

[81] Uppermost in our minds is the fact that the Federal Court decision in *Saw* was delivered without any written judgment. What we have is merely the editorial note, the relevant portion of which reads as follows: B

> The Federal Court allowed the appeal of the insurer, without delivering any written judgement. ... C
>
> The Federal Court held that there was no cross-appeal by the respondent against the trial judge's finding that the plaintiff (the lorry attendant) was not a passenger. As such the learned trial judge should have held that the exceptions to section II of the Policy applied. Hence the insurer was not liable to indemnify the defendant. D

[82] *Without a written judgment the Federal Court's reasons for allowing the appeal as alluded to in the editorial note, is in our view purely speculative*, and cannot be regarded as authoritative and/or binding. We would therefore disagree with the plaintiff that the Court of Appeal erred and 'was in breach of stare decisis' when it did not consider itself bound to follow *Saw*. (Penekanan ditambah.) E

[18] Sementara itu, dalam kes *Vishnu Telagan* pula, Mahkamah Persekutuan berdepan dengan isu keesahan kenyataan yang direkodkan pegawai penyiasat yang tidak ditandatangani oleh orang yang ditahan. Pihak responden dalam kes tersebut mendakwa bahawa isu pernyataan yang defektif telah diputuskan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kamal Azam Norddin v Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2018] 1 LNS 1550 (*Criminal Appeal No* 05(HC)-133–05–2018(B)) yang disampaikan pada 24 Januari 2019. Namun begitu, tiada alasan keputusan secara bertulis disediakan. Berkaitan dengan hal tersebut, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan: F G

> [40] The respondents argued that the Federal Court there had heard a similar argument on this point and refused the detainee a writ of habeas corpus. As at the date of our decision in this appeal, no written grounds had been delivered in respect of that case and so we were therefore unable to glean any reasons why such a decision was made. Therefore, we did not see how the said judgment lent any support to the respondents' case. *Surely, in arriving at our decision, we had to consider and apply the law according to the facts and circumstances of this case*. (Penekanan ditambah.) H

[19] Jelasnya, kedua-dua kes yang dirujuk peguam perayu tersebut melibatkan keputusan yang dibuat ke atas persoalan undang-undang yang tipikal dengan persoalan fakta masing-masingnya. Berbanding dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam Rayuan Jenayah No 05–195–08 Tahun 2017 (P), ianya adalah bagi menjawab satu persoalan undang-undang yang spesifik berhubung dengan kewajipan penyerahan pernyataan pembelaan I

oleh orang kena tuduh di bawah s 62 ASPRM 2009. Dengan itu, keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes-kes *Malaysian Motor Insurance Pool* dan keputusan kes *Vishnu Telagan* perlulah dibezakan.

[20] Seperkara lagi, perintah eksh 'LGE3' bertarikh 14 Disember 2017 secara jelas menyatakan bahawa Mahkamah Persekutuan telah pun membaca rekod-rekod rayuan yang difailkan dan telah mendengar hujahan-hujahan yang dikemukakan oleh peguam kedua belah pihak sebelum membuat keputusan. Dengan itu, kami berpandangan bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Rayuan Jenayah No 05-195–08 Tahun 2017 (P) adalah suatu keputusan yang muktamad sifatnya dan mengikat di bawah prinsip duluan walaupun tiada alasan keputusan secara bertulis disediakan.

[21] Bagi menyokong pandangan tersebut, kami merujuk kepada keputusan terkini Mahkamah Persekutuan dalam kes *Tenaga Nasional Berhad v Chew Thai Kay & Anor* [2022] 2 MLJ 25; [2022] 1 LNS 2 berhubung dengan isu ketiadaan alasan keputusan. Di ms 12 dan 13 kes yang dirujuk, Azahar Mohamed HBM yang menyampaikan keputusan bagi pihak mahkamah telah memutuskan:

> [22] These conflicting decisions of the two Court of Appeals in *Mayaria* CA and *Karun Klasik* were later resolved by this court when the two cases were heard together on appeal. As we have indicated earlier, on 4th September 2019 this Court upheld the decision of the Court of Appeal in *Mayaria CA* and reversed the Court of Appeal's decision in *Karun Klasik*. *Unfortunately, the Federal Court has not provided the written ground for these decisions. We would observe at this juncture, that it was not open to the Court of Appeal in Karun Klasik to depart from its earlier decision in Mayaria CA, which was decided earlier as the rule of legal precedence must be followed in the interest of certainty* (see *Young v Bristol Aeroplane* [1944] KB 718, *P M Hendry v George John De Cruz* [1949] supp MLJ 25; [1948] 1 LNS 39, *Davis v Johnson* [1978] 1 All ER 1132 and *Kejuruteraan Bintai Kindenko Sdn Bhd v Fong Soon Leong* [2021] 2 MLJ 234; [2021] 5 CLJ 1 CA ('Kejuruteraan Bintai Kindenko'). We will say more about the importance of obedience of judicial precedence in the later part of our judgment. *Even though the Federal Court has not provided the written grounds, the extract of the brief reasons provided by the Federal Court in Mayaria FC as recorded on the CMS system reads, inter alia, as follows: 'We agree with the COA's interpretation of s 38(1) in case no 9 — Mayaria case that the power of disconnection is lost once the tempered meter is rectified'. It is therefore clear as to what was decided earlier by this court on this matter*. (Penekanan ditambah.)

Jelasnya, ketiadaan alasan keputusan secara bertulis yang disediakan Mahkamah Persekutuan bagi sesuatu keputusan itu, bukanlah satu alasan untuk menyatakan bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut tidak mengikat di bawah prinsip duluan mengikat.

[22] Berhubung dengan prinsip duluan mengikat pula, Mahkamah Persekutuan dalam kes yang sama telah dengan tegas menyatakan pendirian

sepertimana berikut:

[30] We will say at once that overturning our own precedent is a serious matter. This court must always respect its own precedents. The rule of legal precedence must be followed in the interest of certainty. Great sanctity must be attached to the finality of our judgment. This is not to say that this court should never depart from an earlier decision. We do not blindly honour stare decisis. While it is true that we can overturn our own precedent in exceptional cases where it is really necessary, as an apex Court, we need to be cautious about departing from our own earlier decision especially in a case that concerns the interpretation of a legislative provision, lest we lose the trust of public by persistent shifts of laws. The law is about stability, predictability and certainty that allow the public and the business community to plan and organize their lives based on the previous precedent. A degree of certainty, consistency and predictability in the law is one of the foundations upon which our justice system operates. Therefore, we remind ourselves that it is of utmost importance this court adheres to its past rulings. In *Kerajaan Malaysia & Ors v Tay Chai Huat* [2012] 3 MLJ 149; [2012] 3 CLJ 577 (FC), Ariffin Zakaria CJ in delivering the judgment of this court reminded us at para 35:

> [35] ... It is of supreme importance that people may know with certainty what the law is, and this can be attained by a loyal adherence to the doctrine of stare decisis. Little respect will be paid to our judgments if we overthrow that one day which we have resolved the day before.

[31] In the later part of his judgment His Lordship added at para 50:

> [50] ... I would think that this court must follow its own proclamation of law made earlier on other cases and honour these rulings. After all, this court is the highest court in the country.

[32] Which brings us to the recent decision of this Court in *Asia Pacific Higher Learning Sdn Bhd v Perubatan Malaysia & Anor* [2020] 2 MLJ 1; [2020] 3 CLJ 153 FC where we said at para 17:

> [17] Indeed, the doctrine of stare decisis dictates that as a matter of a general rule of great importance the Federal Court is bound by its own previous decisions. However, there are exception circumstances that allow them to depart from the earlier decision, but such power must be used sparingly.

[33] In another part of the judgment we further said at para 13:

> [13] ... Any decision of the Federal Court must be treated with utmost deference. More significantly, in my opinion, it is not a good policy for us at the highest court of the land to leave the law in a state of uncertainty by departing from our recent decisions. That will put us in a bad light as the Federal Court will then purports to be in a state of quandary when deciding a case. It is also a bad policy for us to keep the law in such a state of uncertainty particularly upon a question of interpretation of a statutory provision that comes up regularly for consideration before the courts.

[34] While still on the subject of the importance of obedience of judicial precedence, the point is aptly put by Darryl Goon JCA, to which we respectfully agree, in delivering the latest judgment of the Court of Appeal on this subject matter

in the case of *Kejuruteraan Bintai Kindenko* as follows at para 72:

> [72] ... While judges may no doubt sincerely have differences in views, there is also public interest to consider. It would be a lamentable state of the law if members of the public, in whatever sector, are unable to secure legal advice of sufficient certainty in order to properly conduct or regulate their affairs because of a confusing melee of conflicting legal decisions by the courts.

Berasaskan keputusan tersebut, kami mengulangi pendirian kami bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan dalam Rayuan Jenayah No 05–195–08 Tahun 2017 (P) yang telah memutuskan secara jelas dan spesifik berhubung dengan kewajipan penyerahan pernyataan pembelaan oleh orang kena tuduh di bawah s 62 ASPRM 2009 adalah muktamad dan mengikat, walaupun tiada alasan keputusan secara bertulis disediakan.

[23] Beralih kepada persoalan undang-undang kedua, ianya adalah berkaitan dengan isu saksi dan kenyataan yang dirakam daripada saksi semasa siasatan dijalankan. Menurut peguam perayu, pihak pembelaan perlu mendapatkan sesalinan rakaman percakapan saksi yang diberikan Dato' Zarul yang disebut dalam pertuduhan yang dihadapi perayu bagi tujuan mencabar kebolehpercayaan keterangan Dato' Zarul. Dengan adanya keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Siti Aisyah*, dihujahkan bahawa undang-undang berhubung dengan status kenyataan saksi sebagai suatu dokumen yang dilindungi sepenuhnya menjadi tidak jelas. Memandangkan permohonan bagi penzahiran dokumen di bawah s 51 KTJ perlu dibuat di mahkamah bicara iaitu di mahkamah sesyen, maka perayu tidak akan berpeluang untuk mendapat keputusan muktamad sehingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan.

[24] Dengan hormatnya, kami juga tidak dapat bersetuju dengan hujahan peguam perayu. Kami berpandangan bahawa prinsip undang-undang berkaitan permohonan di bawah s 51 KTJ bagi penzahiran dokumen, termasuklah bagi mendapatkan pernyataan saksi yang dirakam semasa penyiasatan, adalah jelas dan mantap. Isu yang cuba dibangkitkan perayu bukannya satu isu baru ataupun satu persoalan undang-undang yang unik. Terdapat banyak keputusan terdahulu yang diputuskan mahkamah di pelbagai peringkat yang boleh dijadikan panduan dan ikutan HMS sekiranya berdepan dengan permohonan bawah s 51 KTJ. Di antara lainnya, keputusan kes *Husdi* di peringkat Mahkamah Tinggi yang disahkan di Mahkamah Persekutuan, keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim* dan kes *Dato' Seri Najib* serta keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Siti Aisyah.*

[25] Berpandukan prinsip undang-undang yang telah diputuskan dalam kes-kes terdahulu tersebut, kami berpandangan bahawa HMS yang tidak dicabar kewibawaannya oleh pihak perayu sudah tentulah berupaya untuk

membuat pertimbangan dan seterusnya membuat keputusan sekiranya berdepan dengan permohonan yang sewajarnya. Dalam hal ini, Hakim KC Vohrah dalam kes *Public Prosecutor v Dato Kee Yong Wee & Ors* [1988] 2 MLJ 198 mengemukakan pandangan sepertimana berikut:

> Our sessions court judges, like their Singapore counterparts in the district courts, are either barristers or otherwise have other recognized legal qualifications. And under our present system generally, our sessions court judges do not have less than seven years standing in the judicial and legal service. In Kuala Lumpur, there are four sessions court judges and their experience as officers of the judicial and legal service ranges from 11 years to 22 years.
>
> Section 417(1)(b) of our law corresponds with s 184(1)(b) of the Singapore Criminal Procedure Code. There have been several applications in Singapore under s 184(1)(b) for transfer of cases from the subordinate courts to the High Court. The reported decisions show that invariably these applications have been dismissed. P Coomaraswamy J in *Lin v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 106 has discussed these and certain relevant Indian decisions (in respect of somewhat similar Indian provisions) in a historical perspective. Let it be noted that the provisions in India and in the Straits Settlements for transfer of cases on ground of some question of law of unusual difficulty arising were to cater for the past era where judicial officers who were supposed to hear certain difficult cases were either not legally qualified or were inexperienced to deal with them and could hardly have been expected to deal with intricate points of law. P Coomaraswamy J said at p 109:
>
> > In the light of the decisions I have referred to, for the provisions of s 184(1)(b) to be successfully invoked today the case must be an extraordinarily rare one and I find it extremely difficult to think of one. For the historical reasons I have stated, and, given the qualifications and experience of district judges and the more senior magistrates, I am of the firm view that for all practical purposes and intent, para (b) of s 184(1) has fallen into desuetude and obsolescence for transfer of cases to the High Court.

[26] Sehubungan dengan itu, kami berpandangan bahawa persoalan undang-undang yang cuba dibangkitkan pihak perayu bukannya tergolong dalam persoalan undang-undang yang luar biasa sukarnya atau pun yang tidak pernah diputuskan sebelum ini. Dalam kes *Oh Keng Seng v Public Prosecutor* [1974] 2 MLJ 48, Hakim Hashim Yeop A Sani telah mengemukakan pandangan berkait dengan makna 'undang-undang yang luar biasa sukarnya' sepertimana berikut:

> More specifically, the decision on this application may be made after considering paragraph (b) of s 417 of the Criminal Procedure Code that is, if it appears to the court that some question of law of unusual difficulty is likely to arise the court may order that the case be transferred to and tried before itself. *The use of the word 'unusual' in that paragraph would seem to me to indicate that the difficulty in relation to the law involved must be such that either the question of law is one which is unique or out of the usual or ordinary or one which has not been dealt with by any court before*. The fact that a constitutional point of great importance is expected to be raised

during the trial is not sufficient ground to transfer under this section. The exercise of the power based upon such a ground would in my opinion result in absurdity because it will at least theoretically be possible to raise some constitutional question in a good number of criminal cases where the liberty or rights of the subject are involved. It may be argued, although I have my doubts, that para (b) of s 417 may apply to a first prosecution under the new amendment to s 3 of the Sedition Act, 1948; but you cannot say that of this case either. As such I have gone through the affidavits of the applicant and the respondent and found nothing to satisfy s 417 of the Criminal Procedure Code for an order of transfer to be justified. (Penekanan ditambah.)

[27] Dengan itu, kami mendapati HMT tidak melakukan sebarang kesilapan apabila mendapati dan memutuskan bahawa perayu gagal memenuhi kehendak atau melepasi ambang yang diperlukan di bawah perenggan 417(1)(b) dan (e) KTJ.

[28] Berdasarkan dapatan kami, presiding perbicaraan yang sedang berjalan terhadap perayu di mahkamah sesyen, yang mana seramai lapan orang saksi telah pun dipanggil untuk memberikan keterangan pada masa kami mendengar rayuan ini perlulah diteruskan tanpa gangguan.

KESIMPULAN

[29] Melainkan jika perayu berjaya melepasi ambang yang diperlukan di bawah s 417 KTJ bagi membolehkan presiding perbicaraan kes perayu yang sedang berjalan di mahkamah sesyen dipindahkan ke Mahkamah Tinggi, kami berpandangan bahawa pendekatan perayu menggunakan s 417 KTJ khusus untuk menjadikan perbicaraan di Mahkamah Tinggi sebagai landasan atau batu loncatan untuk membawa rayuan perayu sehingga ke Mahkamah Persekutuan, tidak sewajarnya dibenarkan. Perlu diulangi bahawa perayu telah gagal memenuhi kehendak di perenggan 417(1)(b) dan (e) KTJ.

[30] Dengan itu, kami sebulat suara menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan HMT.

Rayuan ditolak dan keputusan Mahkamah Tinggi dikekalkan.

Dilaporkan oleh K Selvaraju